

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana kerjasama dua hala dan pelbagai hala antara Malaysia dan negara-negara lain terutamanya dalam memastikan ekonomi negara berkembang dengan baik pasca COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan mesra perniagaan sentiasa mengekalkan hubungan perdagangan yang baik dengan negara rakan dagang melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala. Tidak dinafikan bahawa hubungan baik dengan negara rakan dagang menjadi lebih penting tatkala negara-negara di dunia bergelut untuk menangani kemelut ekonomi yang melanda akibat daripada pandemik COVID-19.

2. Kerjasama dua hala dengan negara rakan dagang dilaksanakan menerusi sesi libat urus, mesyuarat dan persidangan dua hala melalui Jawatankuasa Perdagangan Bersama (JTC) atau Jawatankuasa Pelaburan Bersama (JIC), yang bertindak sebagai platform bagi membincangkan isu-isu ekonomi serta strategi-strategi dalam merencanakan kerjasama perdagangan dan pelaburan rentas sempadan agar lebih kondusif dan terus mampan. Selain itu, MITI juga menganjurkan siri *webinar* bersama negara rakan dagang bagi perkongsian maklumat mengenai peluang-peluang perniagaan yang wujud antara kedua-dua negara serta pendedahan kepada pelabur berpotensi dari negara tersebut.

3. Bagi kerjasama pelbagai hala, antara platform utama penglibatan Malaysia adalah melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC).

4. Di peringkat pelbagai hala, MITI menyokong langkah-langkah positif yang dilaksanakan di bawah WTO dalam mengimbangi keperluan untuk perlindungan kesihatan awam dan jaminan kesinambungan ekonomi. Ini seiring dengan komitmen Kerajaan dalam mengekalkan akses pasaran barangan dan pelaburan serta pergerakan barangan keperluan asas bagi mengurangkan impak negatif kepada ekonomi.

5. Sebagai negara anggota ASEAN, Malaysia telah meningkatkan kerjasama dengan negara-negara anggota ASEAN serta rakan-rakan dialog ASEAN bagi memastikan ekonomi negara-negara anggota ASEAN akan terus berkembang walaupun dilanda pandemik COVID-19. Antara inisiatif penting yang dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin negara anggota ASEAN adalah seperti berikut:

- i. pelancaran *Hanoi Plan of Action on Strengthening ASEAN Economic Cooperation and Supply Chain Connectivity in Response to the COVID-19 Pandemic* untuk menangani halangan ke atas perdagangan bagi melancarkan aliran bekalan barangan keperluan di rantau ASEAN;
- ii. menandatangani *Memorandum of Understanding (MoU) on the Implementation of Non-Tariff Measures on Essential Goods Under the Hanoi Plan of Action on Strengthening ASEAN Economic Cooperation and Supply Chain Connectivity in Response to the COVID-19 Pandemic* untuk memastikan pergerakan rentas sempadan yang lancar; dan
- iii. pewujudan *ASEAN Comprehensive Recovery Framework (ACRF)* dan pelan pelaksanaan untuk memulihkan aspek politik, ekonomi dan sosial pasca COVID-19.

6. Di peringkat serantau juga, Malaysia telah berjaya memeterai Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership - RCEP*) bersama-sama dengan 14 Negara Peserta RCEP (RPC) pada Sidang Kemuncak RCEP ke-4 yang berlangsung pada 15 November 2020. Perjanjian RCEP merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang terbesar pernah ditandatangani Malaysia yang melibatkan 15 negara, merangkumi 2.2 bilion atau hampir sepertiga (29.7%) penduduk dunia dan menyumbang sebanyak US\$24.8 trilion atau hampir sepertiga (28.9%) KDNK dunia berdasarkan data Bank Dunia pada tahun 2018.

7. RCEP membuktikan bahawa Malaysia bersama-sama negara anggota ASEAN dan 5 Rakan FTA ASEAN akan terus memperkukuh integrasi ekonomi serantau, memudahcara perdagangan dan pelaburan rentas sempadan serta mengurangkan halangan bukan tarif. RCEP juga membuka akses pasaran yang lebih luas melalui penghapusan dan pengurangan tarif; harmonisasi standard dan peraturan teknikal serta kerjasama ekonomi.

8. Usaha-usaha yang dilaksanakan di bawah kerangka ASEAN akan mengekalkan Malaysia sebagai destinasi utama hab perdagangan dan pelaburan pasca COVID-19. Industri tempatan Malaysia akan menikmati faedah dari segi pengurangan halangan teknikal dan tarif, proses aliran barangan dan prosedur kastam yang lebih mudah, peningkatan penggunaan teknologi dan penyeragaman piawaian bagi pengharmonian standard dan peraturan teknikal.

9. Melalui APEC, Malaysia bersama-sama dengan 20 ekonomi APEC lain telah memberi komitmen ke atas usaha untuk memudahcara aliran barangan keperluan dan perkhidmatan penting di rantau Asia-Pasifik terutamanya di dalam sektor ubat-ubatan, perkakasan perubatan dan barangan makanan. Melalui Deklarasi bagi Memudahkan Pergerakan Barang-Barang Keperluan (*Declaration on Facilitating the Movement of Essential Goods*), Malaysia bersama negara anggota APEC komited untuk memastikan aliran barang-barang keperluan tidak terjejas ekoran COVID-19.

10. MITI melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala akan terus menerajui usaha merencanakan ekonomi negara supaya pertumbuhan ekonomi negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dapat dipulihkan.

Sekian, terima kasih.